



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JB/33/2023**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN TEMPAT TEDUHAN
PENJAJA (SHELTER KIOSK), DI TAMAN RIMBA DESA, PRESINT 9 WILAYAH
PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK PERBADANAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa dalam kalangan **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dalam Gred G2, Kategori : CE – Pengkhususan CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam) atau kategori CE24 (Struktur Kejuruteraan Awam)**.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **6 JUN 2023 (SELASA)**, jam **10.00 pagi** bertempat di **Bilik Mesyuarat Cemara, Blok C, Aras 5, Kompleks PPJ**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran LPIPM, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **6 JUN 2023 (SELASA)** hingga **9 JUN 2023 (JUMAAT)** oleh wakil Kontraktor/Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran LPIPM, SPKK dan STB**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **14 JUN 2023 (RABU)**.
6. Kontraktor/Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke spp@ppi.gov.my.
7. Kenyataan notis ini boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppi.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.


(Ir. MARZUKI BIN ABDULLAH)

Naib Presiden
Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan
Perbadanan Putrajaya